

Anwar minta dedah individu Melayu Islam terbabit judi

BH - 2/11/2021 ml's 19

Ketua Pembangkang dakwa bilangan pusat perjudian meningkat

Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan diminta mendedahkan pembabitn individu Melayu beragama Islam dalam aktiviti perjudian yang didakwa semakin meningkat.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa beliau menerima maklumat kira-kira 45 peratus ahli kelab di 65 pusat judi terdiri daripada golongan Melayu Islam.

"Apa yang saya nak bangkitkan ini agak mengejutkan apabila saya dapat maklumat daripada laporan dan kenyataan di media, iaitu percambahan pusat perjudian.

"Jumlah itu agak mengejutkan. Itu baharu melalui pusat perjudian yang kita tahu. Maknanya ada 'perselindungan' dan apa yang tidak disebut ialah lesen mesin slot membabitkan individu Melayu Islam," katanya ketika membahaskan Bajet 2022 peringkat dasar di Dewan Ra-

kyat, semalam.

"Bila dia (orang Melayu) menjadi ahli kelab perjudian, dia dibenarkan berjudi dan jumlah orang Melayu Islam dalam kes perjudian ini mencecah 45 peratus daripada jumlah (keahlian kelab) pusat judi," katanya.

Anwar (PH-Port Dickson) berkata, keadaan itu melanggar prinsip dan dilakukan secara terbuka selain didakwa wujud usaha untuk menyembunyikan fakta terbabit.

Katanya, kerajaan perlu mendedahkan jumlah sebenar pusat judi, termasuk dari segi pemilikan mesin slot, jumlah keahlian dan berapa ramai orang Melayu yang mempunyai kaitan dengan pusat judi berkenaan.

"Jangan nafikan kerana memang ada rekod mengenai orang Melayu terbabit dalam kes ini.

"Ini termasuk penularan video umpamanya di sebuah kelab di Bukit Kiara.

"Maka, saya minta Menteri Kewangan dan polis menyemak perkara ini kerana sudah ada laporan dan saya faham apabila ia membabitkan kepentingan syarikat besar dan tauke 'maha kaya', maka tindakan itu agak lambat," katanya.

Justeru, beliau berkata, Menteri Kewangan perlu memberi penjelasan kerana ia membabitkan pelbagai implikasi yang

"Jangan nafikan kerana memang ada rekod mengenai orang Melayu terbabit dalam kes ini"

Anwar Ibrahim,
Ketua
Pembangkang



memberi kesan buruk kepada negara.

Mengulas mengenai pemberian komputer tablet kepada mahasiswa dalam bajet berkenaan, Anwar berkata, insentif itu sewajarnya digantikan dengan pemberian komputer riba.

Katanya, pemberian komputer riba adalah lebih sesuai kerana keperluan mahasiswa berbeza berbanding murid sekolah.

"Saya juga ingin meminta kerajaan memperincikan mengenai inisiatif Jamin Kerja.

"Kerajaan perlu menjelaskan berapa jumlah pekerjaan ditambah berbanding inisiatif sama yang diumumkan," katanya.